

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]**

SOALAN NO. 496

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana kemajuan perbincangan dan rundingan proses pengambil alihan milikan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan apakah ia memberikan jaminan bekalan elektrik yang stabil untuk negeri Sabah pada kadar tarif yang berpatutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju secara prinsip untuk menyerahkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah.
2. Pihak Kerajaan Negeri Sabah ketika ini sedang melaksanakan proses *due diligence* sebelum rundingan berkaitan proses penyerahan dilaksanakan dengan Kerajaan Persekutuan.
3. Melalui penyerahan ini, pihak Kerajaan Negeri Sabah akan mempunyai kuasa sepenuhnya bagi merancang dan mengurus bekalan serta tarif elektrik di Sabah.

Sekian, terima kasih.